



Kembara Tanpa Tunai di Taman-Taman Sabah
("Promosi / Terma dan Syarat Promosi")

1. Definisi

- a) "Terma dan Syarat Tambahan" bermaksud terma dan syarat yang mengawal hadiah seperti yang ditentukan oleh Bank-Bank Peserta.
- b) "MyDebit" bermaksud perkhidmatan yang membolehkan pembelian runcit dengan pantas dan selamat dengan hanya mengimbas atau memasukkan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) ATM anda di terminal Point-of-Sale (POS) peniaga. Jumlah pembelian akan didebit dari akaun bank anda.
- c) "Transaksi MyDebit" bermaksud pembelian runcit yang berjaya dilakukan melalui kad MyDebit anda. Transaksi MyDebit hendaklah dilakukan sepanjang Tempoh Promosi melalui mana-mana penerbit kad MyDebit tempatan atau Bank-Bank Peserta.
- d) "Penganjur" bermaksud Lembaga Amanah Taman-Taman Sabah.
- e) "Bank-Bank Peserta" bermaksud senarai Bank seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3 di bawah.
- f) "PayNet" bermaksud Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (No. Syarikat 836743-D).
- g) "Hadiah" bermaksud hadiah-hadiah seperti yang ditetapkan dalam Klausa 4 di bawah.
- h) "Tempoh Transaksi" bermaksud sebarang transaksi DuitNow yang berjaya yang berlaku antara 1 Ogos hingga 31 Oktober 2025.

2. Tempoh Promosi

- a) Promosi ini akan berlangsung dari jam 00:00 (GMT+8) pada 1 Ogos 2025 sehingga 23:59 (GMT+8) pada 31 Oktober 2025 (kedua-dua tarikh termasuk) ("**Tempoh Promosi**").

3. Kelayakan dan Kriteria Penyertaan

- a) Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan (bank runcit sahaja) yang membuat Transaksi MyDebit untuk membayar yuran kemasukan di mana-mana 7 pintu masuk Taman-Taman Sabah Peserta sepanjang Tempoh Promosi dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah (contoh: kad pengenalan atau pasport) ("**Pelanggan Layak**").
- b) Taman-Taman Sabah Peserta termasuk:
 1. Taman Kinabalu, Kundasang
 2. Poring Hot Springs, Ranau
 3. Pulau Manukan, Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu
 4. Pulau Sapi, Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu



Kembara Tanpa Tunai di Taman-Taman Sabah
("Promosi / Terma dan Syarat Promosi")

5. Pulau Mamutik, Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu
 6. Taman Marin Tun Sakaran, Semporna - Kaunter TTS Jeti Pelancongan
 7. Taman Bukit Tawau
- b) Keperluan kelayakan untuk menyertai Promosi ini adalah seperti berikut:
- i. Hanya pelanggan berumur lapan belas (18) tahun ke atas layak untuk menyertai;
 - ii. Pelanggan yang memegang akaun dengan Bank-Bank Peserta tidak boleh akaunnya ditamatkan, digantung, dibatalkan atau tidak aktif sepanjang Tempoh Promosi;
 - iii. Pelanggan yang memegang akaun dengan Bank-Bank Peserta tidak boleh mempunyai rekod tunggakan atau perlakuan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh Bank-Bank Peserta mengikut budi bicara mutlak mereka;
 - iv. Pelanggan yang tidak mengalami kegilaan, diisyiharkan muflis atau mempunyai prosiding undang-undang terhadap mereka layak untuk menyertai.
- c) Cara Penyertaan
- i. Tiada pendaftaran diperlukan.
 - ii. Setiap transaksi MyDebit untuk yuran kemasukan di lokasi Taman-Taman Sabah yang mengambil bahagian secara automatik layak sebagai satu (1) penyertaan cabutan bertuah.
 - iii. Penyertaan berganda dibenarkan; lebih banyak transaksi = lebih tinggi peluang menang.

4. Hadiah

RM1,000 x 30 pemenang

- i. Pelanggan layak yang membuat pembayaran MyDebit di Taman-Taman Sabah yang mengambil bahagian berpeluang memenangi RM1,000.
- ii. Setiap Transaksi MyDebit yang dilakukan oleh Pelanggan Layak layak untuk satu (1) penyertaan.
- iii. Hadiah adalah tidak boleh dipindah milik.

5. Bank-Bank Peserta

Jadual 3
Bank-Bank Peserta

Affin Bank Berhad	Affin Islamic Bank Berhad	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
Alliance Bank	Alliance Islamic Bank	Al Rajhi Bank
AmBank (M) Berhad	AmBank Islamic Berhad	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad	Bank of China (Malaysia) Berhad	Bank Muamalat
Bank Simpanan Nasional	CIMB Bank Berhad	CIMB Islamic Bank Berhad



Kembara Tanpa Tunai di Taman-Taman Sabah
("Promosi / Terma dan Syarat Promosi")

Hong Leong Bank Berhad	Hong Leong Islamic Bank Berhad	HSBC Bank Malaysia Berhad
HSBC Amanah Malaysia Berhad	Maybank Berhad	Maybank Islamic Berhad
MBSB Bank	Public Bank Berhad	Public Islamic Bank Berhad
RHB Bank Berhad	RHB Islamic Bank Berhad	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
Standard Chartered Saadiq Berhad	OCBC Bank (Malaysia) Berhad	OCBC Al-Amin (Malaysia) Berhad
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	AEON Bank	Boost Bank
GX Bank		

- a. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu dan perniagaan (dengan syarat kempen ditawarkan melalui saluran perniagaan Bank Peserta).

6. Pemilihan Pemenang

- i. Sebanyak tiga puluh (30) Pelanggan Layak akan dipilih dalam satu (1) pusingan cabutan bertuah rawak oleh Pengajur mengikut budi bicara mereka.
- ii. Pelanggan Layak yang dipilih ("Pemenang Terpilih") akan dihubungi oleh Bank Peserta masing-masing untuk menjawab dua (2) soalan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas pemilihan.
- iii. Hanya tiga (3) cubaan panggilan telefon akan dibuat pada waktu pejabat, Isnin hingga Jumaat (9 pagi – 5 petang).
- iv. Sekiranya Pemenang Terpilih tidak dapat dihubungi, tidak menjawab soalan dengan betul atau tidak menjawab dalam masa satu jam selepas cubaan berjaya, Pengajur dan/atau Bank Peserta berhak mengalihkan hadiah kepada Pemenang seterusnya.

7. Penebusan Hadiah

- a. Hadiah wang tunai RM1,000
- i. Jumlah akan dikreditkan ke Akaun Bank berdaftar Pemenang Terpilih dalam tempoh 60 hari selepas tamat Tempoh Promosi.

8. Terma dan Syarat Am

- a. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan, Pengajur, PayNet dan Bank-Bank Peserta atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen mereka (termasuk mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mungkin diupah oleh Pengajur untuk tujuan Promosi ini) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kerugian pendapatan, keuntungan atau reputasi baik atau kerosakan tidak langsung, kebetulan, bersiri, teladan, hukuman atau khas ke atas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul dalam apa jua cara sama ada berdasarkan kontrak, tort, kecuaian atau lain-lain berkaitan dengan Promosi ini, walaupun Pengajur telah



Kembara Tanpa Tunai di Taman-Taman Sabah ("Promosi / Terma dan Syarat Promosi")

dimaklumkan tentang kemungkinan kerosakan sedemikian terlebih dahulu, dan semua kerosakan tersebut dengan ini secara jelas dikecualikan.

- b. Pengajur berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah ("pindaan") mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini dan/atau menggantikan atau menukar Hadiah (Perkara 4 di atas) yang ditawarkan dalam Promosi ini dengan hadiah yang bernilai sama dan/atau meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau apa-apa bentuk lain akan diberikan bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat perkara di atas. **Pelanggan dinasihatkan untuk sentiasa menyemak kemas kini Terma dan Syarat Promosi ini di laman web Pengajur atau PayNet atau Bank-Bank Peserta. Sekiranya sebarang pindaan masa depan terhadap Terma dan Syarat Promosi ini tidak dapat diterima oleh Pelanggan Layak, sila hentikan sebarang penyertaan selanjutnya dalam Promosi ini.**
- c. Pengajur dan PayNet tidak menanggung dan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk atau yang timbul atau dialami oleh mana-mana Pelanggan Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam Promosi ini.
- d. Semua keputusan yang dibuat oleh Pengajur dan/atau PayNet dan/atau Bank-Bank Peserta berkaitan dengan Promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penyenaraian pendek, pemilihan akhir pemenang dan pembatalan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sekiranya timbul sebarang perkara yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan sepenuhnya oleh Pengajur dan/or PayNet.
- e. Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Tambahan setiap Bank Peserta (**secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat"**).
- f. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Terma dan Syarat Promosi ini akan mengatasi sebarang terma dan syarat yang bercanggah yang terkandung dalam Terma dan Syarat Tambahan dan/atau dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain untuk Promosi ini. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (jika ada), versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
- g. Terma dan Syarat Tambahan oleh Bank-Bank Peserta boleh didapati di laman web Bank Peserta masing-masing.
- h. Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.



Kembara Tanpa Tunai di Taman-Taman Sabah
("Promosi / Terma dan Syarat Promosi")

- i. Maklumat terperinci mengenai Promosi boleh diperoleh dengan melayari sabahparks.org.my pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Promosi.

9. NOTIS PRIVASI

- a) Dengan menyertai Promosi, Pelanggan Layak memberi kebenaran dan kuasa kepada Penganjur dan/atau PayNet untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan dan memproses Data Peribadi bagi tujuan pelaksanaan Promosi termasuk pengumuman dan penerbitan data atau foto pelanggan di laman web Penganjur atau PayNet untuk tujuan pengiklanan.
- b) Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak juga memberi kebenaran dan kuasa kepada Penganjur dan PayNet untuk mendapatkan data peribadi mereka daripada Bank-Bank Peserta bagi tujuan pelaksanaan Promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan dan pemilihan awal Pelanggan Layak.
- c) PayNet dan Penganjur boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses data peribadi Pelanggan Layak. Semua pihak ketiga tersebut Adalah terikat secara kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Pelanggan Layak selain daripada tujuan yang dinyatakan.
- d) Di bawah undang-undang Malaysia, hak-hak Pelanggan Layak termasuk:
 - i) Hak untuk menarik balik persetujuan bagi penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur dan/atau PayNet di Alamat emel yang dinyatakan di bawah dengan memberikan nama dan alamat emel Pelanggan Layak untuk tujuan pemadaman Data Peribadi tersebut;
 - ii) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Penganjur dan/atau PayNet; atau
 - iii) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- e) Sekiranya Pelanggan Layak ingin membangkitkan sebarang isu berkaitan Data Peribadi, atau melaksanakan mana-mana hak undang-undang mereka, sila emel ke customersupport@paynet.my.
- f) PayNet dan Penganjur akan mengambil langkah munasabah untuk menjaga keselamatan data peribadi Pelanggan Layak, dan memerlukan pemproses pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, PayNet dan/atau Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Pelanggan Layak jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sapina atau perintah mahkamah.
- g) Bagi tujuan Klausus 9 ini, semua Data Peribadi yang berkaitan dengan Peraduan akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang lain yang berkaitan.